

MASJID AL-FATH, JALAN LAGUD SEBRANG, TENOM, SABAH

16 Julai 2010 **EDISI KEDUA** **04 Sya'aban 1431 Hijrah**

MASJID SEBAGAI PUSAT PEMBANGUNAN UMMAH

Rasulullah S.A.W bersabda: "Barangsiapa mendirikan sebuah masjid dengan mengharapkan keredhaan Allah S.W.T, nescaya didirikan baginya sebuah rumah di dalam syurga."
[Riwayat Bukhari]

Sebagai umat Islam, kita semua yakin bahawa masjid merupakan 'rumah Allah' serta tempat beribadat yang paling mulia. Masjid merupakan suatu syiar yang melambangkan wujudnya masyarakat Islam dan perpaduan ummah. Justeru itu, amatlah perlu untuk kita menghayati fungsi serta peranan masjid sebagai tempat beribadat dan pusat pembangunan ummah. Tingginya kemuliaan masjid dapat digambarkan daripada tindakan Rasulullah S.A.W mendirikan masjid dalam peristiwa Hijrah sebagai langkah pertama dalam membangunkan masyarakat Islam di Madinah.

Sejak zaman Rasulullah S.A.W, masjid telah menjadi pusat pembangunan ilmu-ilmu Islam kepada seluruh umat. Bermula daripada Kota Madinah, Iraq, Syam, Mesir, Yaman dan Andalusia, semua tempat tersebut telah dikenali sebagai pusat pengajian yang produktif. Masjid-masjid yang terdapat di negara tersebut telah menjadi universiti-universiti yang terbilang di waktu itu dan sehingga kini, nama-nama seperti Al-Azhar dan Az-Zaitunah masih terus menjadi tumpuan umat Islam seluruh dunia.

Di negara kita, fungsi masjid boleh diperluaskan lagi melalui empat pendekatan berikut:

Pertama: Masjid sebagai pusat penyebaran ilmu pengetahuan.
Kedua: Masjid sebagai pusat perkhidmatan sosial.
Ketiga: Masjid sebagai pusat memupuk perpaduan umat.
Keempat: Masjid sebagai model institusi yang suci dan bersih.

Dalam usaha kita untuk menjadikan masjid sebagai pusat pembangunan umat, kita perlulah berusaha ke arah mempertingkatkan ilmu dan kemahiran pengurusan masjid untuk terus bergerak kehadapan. Sebagai bukti kecintaan kita kepada masjid, marilah kita menanam semangat untuk sentiasa memakmurkannya dengan pelbagai aktiviti yang bermanfaat di samping aspek pengurusan yang cekap dan pentadbiran masjid yang berwibawa, perlu diberi perhatian.

Firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Asr ayat 1 – 3 yang bermaksud:

"Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar."

RINGKASAN ISU SEMASA

TEMPATAN

Lawatan Timbalan Menteri Pelajaran ke Tenom

Timbalan Menteri Pelajaran, YB Datu Puad Zarkashi dijangkakan hadir melawat ke beberapa buah sekolah di daerah Tenom pada 15-16 Julai ini.

Pesta Bunga 2010

Taman Pertanian Sabah, Tenom akan menganjurkan Pesta Bunga pada 31 Julai – 01 Ogos ini. Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan 088-258529 [Pn. Wan Masamah Wan Abedin] atau 087-737558 / 952 [Cik Ruzaidah Ruji Jaman].

Hari Perkhemahan Unit Beruniform SK. Paguokon

Perkhemahan Unit Beruniform akan dijalankan pada 30 – 31 Julai ini di Tapak Perkhemahan Taman Pertanian Sabah, Tenom. Seramai 60 orang murid yang terpilih akan menyertai aktiviti ini.

NEGERI

Fenomena La Nina diramal melanda Sabah

Fenomena La Nina [Hujan berpanjangan] diramal melanda Sabah bermula Julai hingga September tahun ini menurut Jabatan Meteorologi. Orang ramai diminta bersedia dan mengamalkan langkah berjaga-jaga.

NASIONAL


Harga gula, gas LPG, petrol RON95, dan diesel diselaras

Harga gula di pasaran mulai hari ini dijual RM1.90 sekilogram, gas LPG RM1.85 sekilogram, petrol RON95 menjadi RM1.85 seliter dan diesel RM1.75 seliter.

AKTIVITI MASJID AL-FATH

Bacaan Yaasin dan Tahlil pada setiap malam Jumaat. Muslimin dan Muslimat dijemput hadir memeriahkannya. (^_^)

'KEAJAIBAN' MATA...



Cuba lihat tiga titik pada kalimah ALLAH selama 10 saat dan alihkan pandangan pada dinding / ruang kosong.. Lihatlah keajaibannya..

Subhanallah..

.....KALAM EDITOR

Bismillahi walhamdulillah...

Assalamu'alaikum w.b.t

Alhamdulillah, bersyukur kita kepada Allah S.W.T kerana dengan Izin dan Kasih Sayang-Nya dapat kita bertemu di edisi kedua Risalah AL-FATH ini. Semoga Jumaat kali ini bertambah baik dari hari-hari yang sebelumnya.

Edisi kali ini masih memfokuskan mengenai Masjid. Seperti yang kita sedia maklum, masjid Al-Fath masih kurang diimarahkan. Hampir setiap minggu, masjid ini hanya dikunjungi pada waktu solat Jumaat sahaja. Justeru, Risalah AL-Fath berkongsikan isu masjid ini sebagai renungan dan peringatan bersama. Edisi kali ini mula mempamerkan pembaharuan. Ruangan 'Ringkasan Isu Semasa' berkongsikan kepada pembaca akan isu-isu terpilih yang berlaku di sekitar kita. Mudah-mudahan, ini memberi manfaat yang berkesan.

Seperti biasa, jika para pembaca mempunyai idea dan cadangan yang ditujukan kepada masjid AL-Fath umumnya atau Risalah AL-Fath khususnya, silalah maklumkan kepada mana-mana AJK Masjid. Sampai ketemu lagi di masa akan datang. Wassalam. -MSS